

# UMS jalin kerjasama dengan Republic Czech

Tandatangani Surat Niat (LoI) dengan tiga institusi pendidikan tinggi disaksikan Menteri Alam Sekitar

UB 23.11.2019 7

Oleh Yap Siong Han

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus memperkuatkannya kerjasama akademik di peringkat antarabangsa dengan menandatangani Surat Niat (LoI) dengan tiga institusi pendidikan tinggi dari Republic Czech.

Tiga institusi berkenaan ialah Palacky University, University of West Bohemia in Pilsen dan College of International and Public Relations Prague.


Upacara menandatangani LoI disaksikan oleh Menteri Alam Sekitar Republic Czech Richard Brabec di Bilik Mesyuarat Lembaga Eksekutif UMS, di sini, baru-baru ini.

UMS diwakili oleh Naib Canselor Prof. Datuk Taufiq Yap Yun Hin bersama Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan dan pegawai kanan universiti.

Palacky University pula diwakili Timbalan Naib Canselor Sumber Manusia, Jiri Lach, University of West Bohemia in Pilsen diwakili Ketua Jabatan Teknologi dan Pengukuran merangkap Ketua Pasukan Penyelidik Material, Ales Hamacek.

Bagi College of International and Public Relations Prague pula, tandatangan dan pertukaran dokumen LoI disempurnakan oleh Naib Canselornya Jindrich Ploch.

Terdahulu Richard Brabec dalam



**TUKAR DOKUMEN:** Taufiq (tengah) saling bertukar dokument LoI dengan Jiri Lach (dua kanan) sambil disaksikan Richard Brabec (dua kiri). Turut kelihatan Duta Besar Republik Czech ke Malaysia, Milan Hupcej (tepi kiri) dan Pendaftar UMS, Vina Zahriani Yusof (kanan).

ucapannya berkata, beliau kini mengetui delegasi Republic Czech dalam rangka lawatan rasmi ke Malaysia bagi menjalin kerjasama berkaitan teknologi alam sekitar.

"Saya telah membuat kunjungan hormat terhadap menteri Persekutuan dan negeri Sabah, perbincangan adalah berjalan lancar untuk kita harapkan kerjasama yang dirancang akan terlaksana untuk kebaikan bersama."

"Pengajian di UMS pastinya merupakan satu pengalaman yang menarik kepada para pelajar disebabkan oleh ekosistemnya yang unik," katanya.

Sementara itu, Taufiq berkata, UMS

berterima kasih atas kerjasama yang dijalankan dan menaruh keyakinan bahawa ia akan memberikan manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam LoI berkenaan.

"Kerjasama ini akan merangkumi bidang akademik terutama dalam aspek yang berkaitan dengan teknologi alam sekitar, namun saya berpendapat ia juga boleh diperluaskan dalam bidang yang lain pada masa akan datang."

"Padamasa yang sama, saya percaya kerjasama ini juga mampu untuk meningkatkan lagi keterlihatan UMS di peringkat antarabangsa. Sekali lagi terima kasih saya ucapkan," katanya.